



SIARAN AKHBAR

UniMAP LANCAR 3 PLATFORM PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

Kangar, 29 Februari – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memperkenalkan tiga platform pembelajaran atas talian menerusi Online Learning UniMAP khusus untuk mempromosi dan menggalakkan penggunaan pembelajaran atas talian di kalangan pensyarah dan pelajarnya.

Pemangku Naib Canselornya, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, ketiga-tiga platform tersebut iaitu *Massive Open Online Courses (MOOC)*, *Global Access Asia (GAA)* dan *E-Pembelajaran UniMAP* merupakan satu pendekatan alaf baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran berkesan seiring dengan memperkasakan pembangunan insan.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) menjelaskan, kaedah pembelajaran terbaru ini juga ni merupakan usaha murni universiti dalam usaha mengoptimumkan kaedah pembelajaran dan pengajaran berkesan dan memberi faedah kepada pelajar secara keseluruhannya.

“Ia juga merupakan sebahagian daripada komitmen universiti dalam menyokong inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Ionjakan Sembilan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi iaitu, Pembelajaran Atas Talian Global.

“Semoga dengan adanya pendekatan pembelajaran yang baru ini akan membantu pensyarah dan seterusnya Universiti untuk kita menghasilkan graduan yang berkualiti, seimbang dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa,” ujar beliau di majlis pelancaran Online Learning UniMAP di Hotel Seri Malaysia di sini semalam.

Yang turut hadir, Dekan Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD), Prof. Dr. Salleh Abdul Rashid.

Selain pelancaran Online Learning System, UniMAP turut menyampaikan cenderahati dan anugerah kepada pensyarah yang bergiat aktif dalam penggunaan sistem E-Pembelajaran UniMAP.

Menurut Dr. Zul Azhar lagi, lonjakan sembilan tersebut turut diperkasakan menerusi Global Access Asia (GAA) yang merupakan satu platform sistem pembelajaran atas talian yang terbaik dengan keanggotaan terbuka kepada pelajar dari Universiti Asia yang menjadi ahli Asian University Presidents Forum (AUPF).

"Kesemua pelajar boleh mendaftar dan mengakses pembelajaran atas talian tersebut tanpa dikenakan yuran tambahan kepada mereka, malah tambahan kredit diberi kepada kursus didaftarkan," ujar beliau.

Selain itu, beliau memberitahu, UniMAP turut mendapat peruntukan sebanyak RM140,000.00 dari KPT bagi membangunkan MOOC dibawah jagaan LEAD dengan empat mata pelajaran di pilih sebagai perintis untuk dilaksanakan sehingga kini.

Disediakan oleh:

SUHANA ABDUL MUTALIB

Bagi pihak Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)